

# Serlah potensi diri mantap komunikasi

**BATU PAHAT** - Seramai 30 mahasiswa Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan program Serlahkan Potensimu bagi memperbaiki dan memantapkan teknik komunikasi dalam kalangan peserta.

Pengarah program, Mohd Fazlee Azmi berkata, program itu juga mendidik peserta membuang rasa gemetar dan malu apabila berhadapan umum serta melakukan pengucapan awam.

"Program berbentuk kemasyarakatan ini dikendalikan mahasiswa di bawah salah satu subjek PTV iaitu Sosiologi Pendidikan Dalam PTV (MBE10403). Program ini turut melibatkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun dengan mencungkil bakat terpendam mereka untuk berhadapan umum.



Peserta selepas selesai program Serlahkan Potensimu di Tabika Kemas Sungai Suloh, Senggarang.

"Program yang dirancang berbentuk modular ini, memberi peluang peserta berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih berkesan seterusnya melahirkan individu bersahsiah baik. Ia juga mampu melahirkan keseimbangan rohani dan jasmani kerana

kepentingannya untuk mewujudkan generasi muda yang berilmu, beriman serta bertakwa.

"Malah, peserta akan mampu berdaya saing dalam kepimpinan dan mempunyai jati diri tinggi bagi mewujudkan generasi yang produktif,"

katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Turut hadir, Penyelia Pra Sekolah Kemas Batu Pahat, Jaharah Saad.

Program ini turut mendapat kerjasama Tabika Kemas Sungai Suloh dan McDonalds Batu Pahat.